



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

MENJULANG NILAI PRIHATIN: JKM TERUS PERBAIKI PERKHIDMATAN DEMI MASYARAKAT

PUTRAJAYA, 31 OKTOBER 2025 — Sebagai agensi yang dekat dengan rakyat, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa memahami setiap aduan, pandangan dan rungutan yang disuarakan berkaitan pelaksanaan tanggungjawab dan peranan JKM dalam memberikan perkhidmatan kebajikan kepada masyarakat.

JKM menzahirkan komitmen berterusan untuk meneliti serta mengambil tindakan sewajarnya terhadap setiap isu dan aduan yang diterima. Setiap maklum balas daripada rakyat amat dihargai kerana ia membantu JKM dalam menambah baik mutu perkhidmatan serta memperkukuhkan kepercayaan masyarakat terhadap peranan JKM.

Dalam hal ini, JKM **menasihatkan kepada orang ramai agar menyalurkan sebarang maklum balas, maklumat berkaitan kes kebajikan, aduan atau pertanyaan berserta dengan bukti yang kukuh melalui saluran rasmi seperti berikut:**

- a. Aduan Sistem Pengurusan Aduan Awam (SiSPAA);
- b. Talian Kasih 15999;
- b. Aplikasi WhatsApp Talian Kasih di 019-2615999;
- c. Emel pro_jkm@jkm.gov.my ; atau
- d. Hadir ke Pejabat Kebajikan Masyarakat di Negeri dan Daerah yang berdekatan.

JKM juga **memohon agar masyarakat memahami komitmen dan tanggungjawab besar yang digalas oleh warga kerja JKM** dalam memastikan setiap lapisan masyarakat yang memerlukan sentiasa dibantu dengan penuh empati dan keprihatinan.

Selaras dengan aspirasi Kerajaan MADANI, JKM akan **sentiasa menambah baik peranan serta perkhidmatan di kaunter dan di lapangan** bagi memastikan kebajikan rakyat sentiasa menjadi keutamaan.

--TAMAT--

Dikeluarkan oleh: Unit Perhubungan Awam, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)
Tarikh : 31 Oktober 2025